

SOALAN NO. :18

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 19 MAC 2018 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah masalah berkaitan dengan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan. Adakah kawalan hutan dapat ditambah baik termasuk kerjasama dengan Kerajaan negeri.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pengurusan hutan di Semenanjung Malaysia adalah selaras dengan objektif Dasar Perhutanan Negara (DPN) 1978 (Pindaan 1993) yang mengandungi dua (2) objektif utama iaitu:

- (i) memelihara dan mengurus hutan negara berdasarkan prinsip-prinsip pengurusan secara berkekalan; dan
- (ii) melindungi alam sekitar dan memelihara kepelbagaian hayat, sumber-sumber genetik serta meningkatkan penyelidikan dan pendidikan.

Selaras dengan itu, kawasan hutan terutamanya kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) diurus di bawah prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB) yang memberi penekanan seimbang terhadap keperluan ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Pelaksanaan ini menjadikan pengurusan hutan dikawal dengan baik berdasarkan prinsip berkekalan itu sendiri. Salah satu kriteria utama dalam Pengurusan Hutan Secara Berkekalan ialah pengawalan terhadap pembukaan kawasan hutan untuk pengusahaan melalui pelaksanaan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang diluluskan dan dipantau oleh Majlis Tanah Negara (MTN). Penetapan Catuan Tebangan Tahunan adalah berasaskan kepada keupayaan pemulihan semulajadi (*natural regeneration capacity*) kawasan yang diusahasil.

Dalam melaksanakan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan ini, terdapat isu berbangkit diantaranya pengambilan kawasan hutan atau

pewartaan keluar kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) bagi tujuan projek-projek pembangunan negara demi kesejahteraan masyarakat. Bagi mengatasi masalah ini, pihak kementerian telah mengambil langkah proaktif dengan kerjasama daripada semua kerajaan negeri melalui platform MTN di mana pihak kerajaan negeri diminta sebolehnya mengawal pewartaan keluar HSK.

Secara umumnya, Pengurusan Hutan Secara Berkekalan ini akan terus menjadi tunjang dalam amalan pengurusan hutan di Malaysia, khususnya di Semenanjung Malaysia dengan kerjasama dan sokongan semua pihak.

Sekian, terima kasih.